

KEPELBAGAIAN PENDEKATAN DALAM PENGAJARAN TATABAHASA



Profesor Madya Dr Norliza Jamaluddin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

❖ *Abstrak* ❖

Tatabahasa dianggap sebagai ilmu tentang peraturan bahasa, iaitu cara bahasa digunakan dengan betul dan tepat. Tatabahasa dapat menjelaskan sistem bagi sesuatu bahasa dan sistem ini diformulasikan oleh ahli bahasa bagi memudahkan sesuatu bahasa itu dipelajari. Dalam pengajaran tatabahasa, yang dipelajari ialah formula tentang sesuatu bahasa dan formula ini perlu diterapkan dalam kemahiran berbahasa sama ada kemahiran lisan mahupun tulisan. Bagaimanapun, pengajaran tatabahasa bukanlah sesuatu yang mudah dilaksanakan khususnya dalam pengajaran bahasa kedua kerana sistem bagi bahasa kedua dan bahasa pertama adalah berbeza. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan empat pendekatan yang digunakan dalam pengajaran tatabahasa, iaitu pendekatan terjemahan, pendekatan secara langsung/terus, pendekatan berasaskan situasi/lisan dan pendekatan kecekapan komunikatif. Setiap pendekatan, mempunyai kelebihan dan kelemahannya.

Kata kunci: *pengajaran, pendekatan, tatabahasa*

PENGENALAN

Istilah *grammar* atau dalam bahasa Melayunya nahu/tatabahasa berasal daripada bahasa Yunani yang membawa maksud *the art of speaking or writing a language correctly*. Istilah ini merangkumi kajian bahasa secara menyeluruh yang mempunyai maksud yang luas. Bagaimanapun, istilah ini kemudiannya dikecilkan kepada kajian yang melibatkan bidang morfologi dan sintaksis sahaja (Polosi, A.G. 1973). Sesetengah individu menganggap tatabahasa sebagai peraturan bahasa – tetapi tidak ada bahasa yang mempunyai “peraturan”. Jika dikatakan bahawa tatabahasa itu ialah “peraturan”, maka dalam kelazimannya peraturan dibentuk terlebih dahulu dan kemudiannya barulah bahasa boleh diujarkan kerana bahasa yang diujarkan perlu mematuhi “aturan” yang ditetapkan (misalnya sesuatu permainan/sukan diberikan peraturannya terlebih dahulu). Bagaimanapun, bahasa tidak terbentuk seperti itu kerana bahasa dimulai dengan manusia menghasilkan bunyi yang melibatkan penghasilan kata, frasa atau ayat.

Apabila ahli bahasa melakukan penelitian terhadap bahasa, istilah tatabahasa ini telah berubah dan dikatakan bahawa setiap bahasa memiliki set aturan/sistem yang mendasari sesuatu bahasa. Oleh itu, tatabahasa dianggap sebagai sistem bagi sesuatu bahasa. Dalam usaha untuk menjelaskan psikologi bahasa (pola pemikiran dan perlakuan bahasa sesuatu bangsa), ahli bahasa telah memformulasikan aturan tertentu yang dimiliki oleh sesuatu bahasa. Bagaimanapun, peraturan ini tidak lengkap dan tidak sempurna disebabkan sifat natural/semula jadi sesuatu bahasa – psikologi bukanlah sains sebenar yang boleh diformulasikan. Oleh itu, individu yang mengikuti aturan bahasa yang dirangka oleh ahli-ahli bahasa dalam usaha untuk menulis atau berbicara dengan betul akan menemui pelbagai kesulitan. Contohnya dalam aturan Bahasa Melayu, kata tanya tidak boleh dimuatkan dalam ayat penyata. Misalnya dalam ayat “Entah mengapa Zalina berasa sebak untuk meninggalkan nenek sendirian”. Bagaimanapun, dalam penggunaan seharian, kata tanya kerap digunakan dalam ayat penyata tetapi dari sudut tatabahasa, ayat seperti ini dianggap tidak gramatis atau menyalahi aturan tatabahasa. Oleh itu, bagi membolehkan seseorang individu menggunakan bahasa yang betul dan tepat, maka individu berkenaan perlu mengetahui aturan bahasa yang digunakan, iaitu tatabahasa/

nahu. Di sekolah, tatabahasa diajarkan seawal peringkat rendah bagi membolehkan seseorang kanak-kanak menggunakan bahasa yang betul dan sempurna. Bagaimanapun, pengajaran tatabahasa bukan sesuatu yang mudah dilaksanakan sama seperti pelbagai tanggapan yang berbeza tentang tatabahasa.

PENGAJARAN TATABAHASA

Secara tradisionalnya, pengajaran tatabahasa dianggap sebagai huraian dan latihan tatabahasa yang diajarkan secara berasingan daripada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain semasa berlangsungnya pengajaran bahasa. Anggapan ini adalah berdasarkan maklumat yang dijelaskan dalam buku panduan guru, iaitu “pengajaran tatabahasa” mempunyai bahagian tersendiri yang berfokus kepada “pengajaran dan huraian tatabahasa serta aktiviti atau latihan tatabahasa” yang perlu dilaksanakan. Bahkan Hedge (2000), dalam bukunya yang bertajuk “Grammar” hanya memuatkan huraian dan latihan tatabahasa. Bentuk pengajaran dan buku seperti ini telah menyempitkan definisi pengajaran tatabahasa yang hanya perlu diisi oleh dua elemen ini sahaja. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran tatabahasa perlu terdiri daripada huraian dan latihan tatabahasa bagi mengukuhkan pengetahuan pelajar terhadap sistem sesuatu bahasa. Namun perkara ini tidaklah benar sepenuhnya dalam pengajaran bahasa. Menurut Ellis (2006), pengajaran tatabahasa boleh sahaja terdiri daripada:

1. Huraian/penjelasan terhadap tatabahasa sahaja atau latihan tatabahasa sahaja.
2. Pengajaran yang melibatkan pelajar meneroka aturan tatabahasa secara sendiri, iaitu tanpa huraian atau latihan tatabahasa.
3. Pengajaran tatabahasa yang memaparkan contoh-contoh ayat atau perkataan bagi bahasa yang dipelajari. Bentuk pengajaran tatabahasa seperti ini juga tidak melibatkan huraian atau latihan tatabahasa.
4. Pengajaran tatabahasa boleh dilaksanakan dengan cara mendapatkan membetulkan kesalahan bahasa pelajar semasa aktiviti lisan/tulisan.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Ellis (2000) ini menunjukkan bahawa pengajaran tatabahasa memiliki maksud

yang luas, iaitu bukan sahaja tertumpu pada huraian tentang sistem bahasa dan aktiviti tatabahasa sahaja. Kepelbagaian dalam maksud tatabahasa ini telah memberi kesan terhadap cara tatabahasa itu perlu diajarkan yang turut melibatkan bahasa yang diajarkan sama ada bahasa pertama, kedua atau bahasa asing.

Pada umumnya, pengajaran tatabahasa kedua ini dapat dibahagi kepada dua bahagian, iaitu tatabahasa tradisional dan tatabahasa komunikatif (Shirzad, S., 2016). Menurut Newby (2000), dalam pengajaran tatabahasa, tatabahasa ialah set struktur dan bentuk yang dinyatakan secara jelas dalam kebanyakan sukatan pelajaran dengan tumpuan terhadap binaan ayat yang bebas konteks. Bagi tatabahasa tradisional, ketepatan ayat amat penting, iaitu pelajar diajarkan cara untuk menggunakan atau menghasilkan bentuk ayat yang gramatis. Pembelajaran merupakan satu proses secara sedar dan pengajaran tatabahasa dilaksanakan secara deduktif. Kelazimannya pengajaran tatabahasa melibatkan penerangan – latihan – pembinaan ayat dengan cara mempelajari ayat, latih tubi pola ayat dan belajar cara untuk menggabungkan ayat. Oleh itu, guru memainkan peranan penting yang akan mengawal seluruh bentuk latihan yang perlu dilaksanakan oleh pelajar dan tugas yang diberikan lebih mudah dikendalikan. Menurut Shirzad, S. (2016) lagi, pengajaran tatabahasa tradisional ini terdiri daripada pendekatan terjemahan, pendekatan secara langsung/terus dan pendekatan audio-lingual, sementara pendekatan komunikatif melibatkan kecekapan komunikatif.

Bagi tujuan melanjutkan perbincangan tentang pengajaran tatabahasa, artikel ini akan memfokuskan pengajaran tatabahasa sebagai bahasa kedua yang merangkumi:

1. pendekatan terjemahan
2. pendekatan secara langsung/terus
3. pendekatan berasaskan situasi/lisan
4. pendekatan kecekapan komunikatif

PENDEKATAN TERJEMAHAN

Pendekatan terjemahan merupakan pendekatan konvensional yang paling awal digunakan dalam pengajaran bahasa (sekitar 1466-1536), iaitu ketika bahasa Latin dipelajari untuk tujuan komunikasi disebabkan peranannya sebagai bahasa ilmu, bahasa perniagaan dan

pentadbiran pada ketika itu. Dalam bidang pendidikan, pendekatan ini telah digunakan pada akhir abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20 dan dikenali dengan beberapa nama seperti pendekatan klasikal, pendekatan tradisional dan pendekatan tatabahasa sekolah (Karakas, A., 2019). Pendekatan ini dilaksanakan dengan cara belajar tentang peraturan tatabahasa secara mendalam terlebih dahulu dan kemudian menerapkan pengetahuan yang dipelajari dengan menterjemah ayat atau teks kepada atau daripada bahasa kedua tersebut. Dalam pendekatan ini, fokus diberikan kepada peraturan tatabahasa, penghafalan perbendaharaan kata, terjemahan teks dan melakukan aktiviti penulisan. Perbendaharaan kata yang dipelajari ini adalah bebas konteks dan diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Bacaan dan terjemahan teks pula melibatkan teks sastera bahasa kedua dan melibatkan latihan tubi aktiviti penulisan. Menurut Prator dan Celce-Mursia (1979) dalam Abdul Nasser Mohammed Ali Al-Naqeeba. (2012), ciri pendekatan terjemahan ialah:

1. Pelajar diajar dalam bahasa penutur natif (bahasa pertama) dan bahasa sasaran (bahasa kedua) digunakan dengan jumlah yang agak minimum.
2. Perbendaharaan kata diajarkan dalam bentuk senarai kata.
3. Tatabahasa dihuraikan dengan panjang lebar dan agak merumitkan.
4. Tatabahasa menyediakan peraturan untuk menjalinkan sesuatu perkataan dan pengajaran kerap kali memfokuskan bentuk dan infleksi kata.
5. Bacaan terhadap teks klasik dimulakan lebih awal.
6. Teks kurang diberikan penekanan dan lazimnya digunakan untuk analisis tatabahasa.
7. Latihan tubi sering kali ditumpukan kepada terjemahan
8. Agak kurang perhatian diberikan kepada elemen sebutan.

Menurut Ali Karakas (2019), pendekatan yang digunakan dalam tatabahasa terjemahan ini lebih kepada pendekatan deduktif, iaitu pengajaran dimulakan dengan guru menerangkan tatabahasa bahasa sasaran secara eksplisit dan kemudian tatabahasa tersebut diaplikasikan kepada ayat menerusi beberapa contoh. Selepas pelajar memahami tatabahasa tersebut, pelajar dikehendaki untuk mengaplikasikannya dalam latihan yang diberikan. Oleh itu, setiap aturan nahu akan diikuti dengan latihan. Bagi mengukuhkan

perbendaharaan kata pelajar, latihan mengisi tempat kosong merupakan latihan yang kerap diberikan. Menerusi latihan ini, pelajar perlu mengisi perkataan yang tepat di tempat kosong yang disediakan. Latihan seperti ini dapat mengukuhkan pengetahuan perbendaharaan kata pelajar kerana pelajar perlu menerapkan kata atau frasa yang sesuai dalam ayat yang berbeza, misalnya ayat nafi, ayat tanya atau ayat penyata. Latihan ini dapat dilakukan dengan baik jika pelajar dapat mengingati perkataan yang dihafal.

Bagi latihan terjemahan teks pula, lazimnya pelajar akan membaca teks dan menterjemahkan teks tersebut ke dalam bahasa mereka atau bahasa sasaran. Latihan ini boleh dilakukan dalam bentuk lisan atau tulisan. Bagi latihan kefahaman pula, guru akan bertanya pelajar berkaitan teks yang dibaca untuk mengetahui sama ada pelajar tersebut memahami teks tersebut atau tidak. Sementara, untuk menguji pengetahuan pelajar terhadap makna kata yang baru dipelajari, pelajar dikehendaki untuk membina ayat dengan menggunakan kosa kata yang diberikan. Kesemua aktiviti ini bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan bahasa kedua yang dipelajari. Bagaimanapun, pendekatan terjemahan ini agak sukar untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Aktiviti menulis merupakan aktiviti yang agak sukar dilaksanakan kerana aspek perbendaharaan kata, pembinaan ayat dan tatabahasa diajarkan secara bebas konteks. Pelajar kurang didedahkan cara untuk membina karangan dalam bahasa sasaran.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dalam pendekatan terjemahan ini, guru mempunyai autoriti sepenuhnya dan guru merupakan sumber maklumat. Pelajar pula berperanan sebagai penerima maklumat dan pendengar (penerima pasif). Interaksi lebih bersifat sehalu, iaitu guru-pelajar, dan tatabahasa diajarkan secara deduktif dengan menggunakan bahasa natif (bahasa pertama), sementara bahan pengajaran ialah teks bahasa sasaran (bahasa kedua). Latihan tatabahasa lebih kepada bentuk aspek kesalahan bahasa dan pembetulan dilakukan secara langsung oleh guru. Kemahiran yang diterapkan ialah kemahiran membaca dan menulis tetapi penekanan kepada elemen tatabahasa. Teknik pengajaran yang digunakan ialah terjemahan teks, kefahaman, mengisi tempat kosong, membina ayat berdasarkan kosa kata yang diberi dan menulis karangan.

PENDEKATAN SECARA LANGSUNG/TERUS

Pendekatan ini diperkenalkan pada akhir 1800 di Jerman dan Perancis dalam pengajaran bahasa Inggris akibat daripada kelemahan dalam pendekatan terjemahan. Pendekatan ini mengandaikan bahawa pengajaran bahasa kedua adalah sama seperti pengajaran bahasa pertama, iaitu sama seperti seseorang individu mempelajari bahasa pertamanya. Pendekatan ini juga dikenali sebagai pendekatan “oral” atau “natural”. Pendekatan ini bertujuan untuk mengukuhkan komunikasi lisan pelajar. Oleh itu penekanan diberikan kepada sebutan yang baik, pengujaran secara spontan, tidak ada terjemahan dan amat sedikit penekanan kepada tatabahasa. Pendekatan ini berasaskan kepada penglibatan pelajar secara langsung, iaitu pelajar akan bertutur dan mendengar bahasa asing sama seperti situasi sebenar. Situasi ini membolehkan interaksi lisan berlaku secara spontan dan tidak berlaku terjemahan antara bahasa natif dengan bahasa sasaran. Di samping itu analisis terhadap tatabahasa jika ada adalah dalam kadar yang amat rendah. Tumpuan pengajaran terhadap aspek sebutan dan simbol fonetik didedahkan kepada pelajar dengan tujuan untuk membantu mereka menyebut sesuatu kata dengan tepat. Menurut Fries (1993), pendekatan pengajaran bahasa asing perlulah dilaksanakan dalam perbualan, perbincangan dan pembacaan dalam bahasa sasaran tanpa menggunakan bahasa natif pelajar serta tidak melibatkan elemen terjemahan dan pengajaran tatabahasa secara formal. Oleh itu, untuk menjelaskan makna sesuatu kata, guru perlu menggunakan objek, gambar atau lukisan sebenar. Pendekatan ini menekankan interaksi lisan, penggunaan bahasa secara spontan, tidak diterjemahkan bahasa pertama dengan bahasa kedua, dan tiada atau sedikit sahaja analisis terhadap tatabahasa. Perbendaharaan kata amat dipentingkan dan tatabahasa diajar secara deduktif. Guru mengajarkan sebutan dan bentuk tatabahasa formal dan di samping itu, guru membantu pelajar membetulkan kesalahan mereka berbanding guru yang membetulkan pelajar secara langsung. Walaupun penekanan diberikan kepada kemahiran membaca dan mendengar, namun kemahiran membaca dan menulis turut diajar pada peringkat awal. Guru akan menimbulkan situasi yang membolehkan pelajar berkomunikasi dalam latar bahasa sebenar. Pelajar akan dinilai pencapaiannya berdasarkan bahasa yang diungkapkan menerusi aktiviti seperti bersoal jawab atau temuduga dan menulis perenggan.

Berbanding pendekatan terjemahan, pendekatan ini menarik perhatian para guru bahasa untuk menerapkannya. Bagaimanapun, pendekatan ini tidak mudah untuk dilaksanakan kerana pendekatan ini memerlukan kelas yang kecil dan motivasi pelajar yang tinggi, serta persekitaran bilik darjah buatan yang dapat mencipta situasi sebenar bahasa. Bahkan keberkesanan pendekatan ini adalah berbeza-beza dalam kalangan pelajar. Bagaimanapun, menerusi pendekatan ini, guru kurang menggunakan bahasa natif semasa di dalam kelas dan pengajaran tatabahasa hanya terlaksana dalam keadaan apabila berlakunya kesilapan nahu oleh pelajar. Guru akan menerangkan beberapa peraturan tatabahasa sekadar untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa bertutur tetapi tiada penerangan lanjut berkaitan tatabahasa formal.

Abdul Nasser Mohammed Ali Al-Naqeeba (2012) menggariskan ciri-ciri pendekatan ini, iaitu:

1. Guru berperanan secara langsung di dalam kelas dan kadang kala bertindak juga sebagai ahli atau peserta dalam sesuatu komunikasi.
2. Pelajar memainkan peranan aktif semasa pembelajaran berlangsung.
3. Penggunaan bahasa natif (bahasa pertama) tidak digalakkan atau tidak benarkan.
4. Bahasa yang digunakan dalam pembelajaran ialah bahasa sasaran (bahasa kedua).
5. Kemahiran berbahasa amat ditekankan. Oleh itu, kemahiran lisan amat penting dan dilaksanakan bersama-sama kemahiran mendengar dan membaca. Penguasaan perbendaharaan kata lebih dipentingkan berbanding tatabahasa.
6. Bahan bantuan mengajar digunakan dan disesuaikan dengan topik atau dialog yang hendak diajar.
7. Pengajaran perbendaharaan kata sama ada objek atau gambar atau rajah yang terdapat dapat dihubungkan secara langsung dengan makna kata tersebut.
8. Pengajaran tatabahasa dalam bentuk induktif.
9. Pelajar digalakkan untuk membetulkan kesalahan mereka sendiri.
10. Teknik utama yang digunakan ialah teknik bersoal jawab, membaca kuat dan *dictation*.

PENDEKATAN BERASASKAN SITUASI

Pengasas bagi pendekatan ini ialah Harold Palmer, Hornby A.S, Machael West dan beberapa pakar linguistik terapan. Semasa Palmer di Jepun, beliau mengajar tatabahasa menerusi pendekatan lisan. Hal ini dilakukan oleh Palmer disebabkan oleh kesejagatan bahasa dan elemen ini boleh digunakan oleh guru untuk mengajarkan tatabahasa. Namun apabila Michael West menyimpulkan bahawa perbendaharaan kata ialah elemen utama dalam kemahiran membaca, maka Palmer dan Hornby mengubah pengajaran tatabahasa kepada pengajaran terhadap struktur pola ayat. Tujuannya adalah untuk mengekalkan elemen tatabahasa dalam pengajaran bahasa kedua. Di samping itu, pelajar juga diberikan 2000 senarai perkataan bagi membolehkan pelajar menguasai keempat-empat kemahiran bahasa yang melibatkan kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Shafaat Hussain dan Sumaiya Sajid, 2015). Oleh itu, pendekatan berasaskan situasi/lisan ini telah digunakan dalam mereka bentuk sukatan pelajaran bahasa.

Penekanan diberikan kepada kemahiran lisan dan struktur bahasa. Kedua-dua aspek ini dianggap keperluan utama oleh pelajar bahasa kedua. Ciri-ciri utama pendekatan ini ialah:

1. Pengajaran bahasa dilaksanakan dalam bentuk lisan terlebih dahulu kemudian barulah pelajar didedahkan dengan bentuk bertulis.
2. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa sasaran (bahasa kedua).
3. Pelajar perlu mempraktikkan setiap item yang baharu diperkenalkan dalam situasi yang diberikan oleh guru.
4. Item tatabahasa diajarkan secara bertahap, iaitu dari peringkat sederhana hingga ke peringkat yang lebih sukar.
5. Membaca dan menulis dilaksanakan setelah pelajar menguasai tatabahasa dan leksikal asas.

Guru akan membina situasi bagi membolehkan pelajar berlatih struktur bahasa sasaran dan memodelkan struktur bahasa tersebut untuk pelajar melakukan perkara yang sama. Oleh itu, dalam pendekatan ini, melakukan sesuatu aktiviti dan pelajar meniru apa yang dilakukan oleh guru tersebut. Proses pengajaran lebih berbentuk pengulangan dan kesalahan bahasa akan dibetulkan serta-merta.

PENDEKATAN KECEKAPAN KOMUNIKATIF

Pendekatan komunikatif muncul pada sekitar tahun 1960-an hasil daripada kritikan Chomsky terhadap teori struktural dan teori behaviorisme, iaitu menurut Chomsky pembelajaran bahasa tidak hanya ditentukan oleh faktor luaran tetapi turut bergantung pada faktor dalaman. Hal ini disebabkan setiap individu memiliki kemampuan berbahasa. Kemampuan ini merupakan keupayaan seseorang individu dalam menggunakan bahasa dan dianggap sebagai sesuatu perkara yang semula jadi. Dengan adanya kemampuan berbahasa ini, seseorang individu boleh mengungkapkan atau menuturkan bahasanya. Menurut Chomsky lagi, proses belajar bahasa ialah proses pembentukan sesuatu aturan dan bukan proses hasil daripada kebiasaan. Pada masa yang sama, pendekatan komunikatif ini juga disebabkan oleh keperluan penduduk di Eropah untuk mempelajari bahasa asing akibat daripada perpindahan penduduk. Migrasi ini menimbulkan keperluan untuk mempelajari bahasa Inggeris bagi tujuan komunikasi. Hal ini secara tidak langsung menjadi asas kepada munculnya pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa kedua (Ahmad Murad Muradi, 2014).

Perkara utama kepada pendekatan komunikatif ini ialah penguasaan kecekapan berbahasa berbanding penguasaan struktur bahasa, iaitu tatabahasa. Menurut Chistopher Candlin dan Henry Widdowson yang merupakan pengikut aliran fungsional Firth, pengajaran bahasa perlu berfokus kepada kecekapan komunikasi (Abdul Nasser Mohammed Ali Al-Naqeeba, 2012). Sebenarnya, pendekatan kecekapan komunikasi ini ialah hasil daripada pendapat Hymes(1972) yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa bukan sekadar mengetahui cara ayat-ayat disusun dengan betul tetapi yang lebih penting ialah penggunaan bahasa yang tepat dalam sesebuah komunikasi. Oleh itu, kecekapan berbahasa bukan sekadar menguasai sistem bahasa (tatabahasa) tetapi dapat membezakan penggunaan antara ayat yang betul dan yang salah.

Oleh itu, kecekapan komunikatif ini menekankan kepada aspek fungsi bahasa dalam komunikasi. Menurut Tarigan (dalam Ahmad Murad Muradi, 2014), kecekapan komunikatif melibatkan:

1. Pengetahuan tatabahasa dan kosa kata bahasa sasaran.

2. Pengetahuan cara untuk menggunakan bahasa, misalnya cara untuk memulakan dan mengakhiri sesuatu perbualan, menyesuaikan bahasa yang digunakan dengan topik perbualan yang selaras dengan peristiwa bahasa, dan pengetahuan terhadap kata sapaan yang sesuai.
3. Pengetahuan cara memberi respons terhadap sesuatu peristiwa bahasa seperti melakukan permohonan, meminta maaf, mengucapkan terima kasih dan mempersilakan seseorang.
4. Pengetahuan menggunakan bahasa secara tepat dan memuaskan.

Dalam pendekatan kecekapan komunikatif ini, aspek tatabahasa kurang ditekankan. Yang lebih diutamakan ialah kemampuan pelajar untuk menghasilkan ungkapan yang benar dan mematuhi aturan tatabahasa. Menerusi pendekatan ini, pelajar dianggap dapat menggunakan bahasa sasaran sebagai alat komunikasi dalam pelbagai situasi. Oleh hal yang demikian, kecekapan komunikatif ini merujuk kepada struktur bahasa seperti kata, ayat dan teks yang sesuai dengan situasi pada ketika bahasa itu digunakan, iaitu bagaimana tatabahasa dan perbendaharaan kata digunakan dalam komunikasi dan disesuaikan dengan aturan sosial serta budaya.

Kecekapan komunikasi menurut Hymes (1972) terdiri daripada empat ciri, iaitu:

1. kemungkinan (*Possibility*)
2. kebolehlaksanaan (*Feasibility*)
3. kesesuaian (*Appropriateness*)
4. kebarangkalian (*Probability*)

Kemungkinan bermaksud bahawa sesuatu ungkapan (lokusi) berkemungkinan diterima tatabahasanya, manakala kebolehlaksanaan merujuk kepada kebergantungan sesuatu ungkapan terhadap faktor psikolinguistik seperti keterbatasan memori atau ketidakmampuan untuk memproses pelbagai klausa. Kesesuaian pula merujuk sama ada sesuatu ungkapan itu selaras dengan budaya yang sesuai dengan konteks. Walaupun sesuatu ungkapan betul tatabahasanya dan munasabah tetapi adakah ungkapan tersebut sesuai dengan latar yang boleh diterima oleh pendengar. Keberangkalian pula membawa maksud berlaku atau tidaknya sesuatu lokusi. Hal ini disebabkan menurut Hymes (1972) sesuatu komunikasi itu berkemungkinan, boleh

dilaksanakan dan sesuai tetapi tidak dinyatakan atau tidak berlaku. Misalnya komunikasi tersebut diganggu atau dipotong oleh orang lain atau penuturnya amat malu sehingga komunikasi tidak berlaku (Tarvin L.D., 2014). Daripada keempat-empat ciri ini, ciri kedua terakhir, iaitu kesesuaian amat berpengaruh dalam pengajaran bahasa kedua, iaitu penggunaan bahasa mengikut konteks.

Pada tahun 1983, Canale telah menyatakan bahawa kecekapan komunikatif perlu mempunyai empat ciri, iaitu:

1. kecekapan tatabahasa
2. kecekapan sociolinguistik
3. kecekapan wacana dan
4. kecekapan strategik

Kecekapan tatabahasa melibatkan penggunaan peraturan tatabahasa, perbendaharaan kata, sebutan, ejaan dan struktur kata dan ayat yang tepat dalam sesebuah komunikasi. Jika sebelum ini, tatabahasa dijelaskan dari segi struktur dan rumusnya secara eksplisit, secara tersendiri dan bebas daripada konteks, tetapi dalam pendekatan ini, tatabahasa dilihat dari segi penggunaannya. Ketika berkomunikasi, apabila berlaku kesilapan tatabahasa, pelajar diberi peluang untuk membetulkan kesilapan tersebut. Dalam pendekatan ini, tidak bermaksud guru tidak mengajar tatabahasa, tetapi pengajaran tatabahasa lebih bermakna apabila pelajar tersebut dibimbing untuk memperbetulkan kesilapan yang dilakukan dan ia dengan sendirinya dapat menyedari kesilapannya itu. Guru pada ketika yang lain boleh menerangkan elemen tatabahasa tersebut.

Sementara kecekapan sociolinguistik melibatkan penggunaan perbendaharaan kata yang sesuai dengan konteks seperti laras bahasa dan sesuai dengan keadaan atau latar tempat, masa, keadaan, dan medium komunikasi. Kecekapan wacana pula merujuk kepada keupayaan untuk menggabungkan struktur bahasa seperti frasa dan klausa secara kohesif dan koheren sehingga membentuk wacana, misalnya ucapan di khayak ramai. Kecekapan strategik merujuk kepada keupayaan seseorang penutur mengatasi kesukaran apabila timbul masalah komunikasi atau kebijaksanaan bertukar-tukar peranan dalam sesuatu komunikasi (Tarvin, 2014). Oleh itu, dalam pendekatan ini, kemampuan berbahasa membawa maksud

kemampuan seseorang individu untuk mencapai matlamat untuk berkomunikasi dan bukan pengetahuannya terhadap bahasa. Kemampuan berbahasa dan pengetahuan terhadap bahasa merupakan dua entiti yang berbeza kerana kemampuan berbahasa merujuk kebolehan seseorang memahami perkara yang didengar dan dapat mengungkapkan bahasa berkenaan. Sementara pengetahuan tentang bahasa ialah pengetahuan seseorang terhadap sesuatu bahasa tetapi tidak menjamin seseorang itu untuk mengungkap atau menuturkan bahasa berkenaan.

Harmer (2002) menggariskan enam ciri utama pengajaran berasaskan pendekatan komunikatif:

1. Kemahuan untuk berkomunikasi: Dalam ciri ini, guru perlu menimbulkan suasana yang membolehkan komunikasi berlangsung di dalam kelas. Aktiviti kebahasaan dan latihan yang dibentuk perlulah dapat menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi berbanding menghafal struktur bahasa.
2. Dengan tujuan komunikasi: Segala aktiviti dan tugas perlulah memenuhi tujuan berkomunikasi antaranya untuk menyampaikan maklumat, untuk memberi arahan atau untuk menjelaskan sesuatu perkara/peristiwa dan bukan untuk mempelajari tatabahasa.
3. Penekanan terhadap isi pelajaran dan bukan kepada bentuk: Semasa melaksanakan aktiviti kecekapan komunikasi, pelajar perlu menumpukan perhatian terhadap apa yang perlu diperkatakan (isi) dan bukan bagaimana atau cara untuk menuturkan bahasa (bentuk bahasa).
4. Kepelbagaian bahasa: Aktiviti dan latihan bahasa perlu menggalakkan pelajar untuk mengungkapkan perkara yang berbeza dalam kehidupan seharian mereka tanpa membataskan jenis ayat atau struktur tertentu sahaja.
5. Tiada campur tangan guru: Pelajar perlu melaksanakan latihan atau tugas secara bebas tanpa campur tangan guru. Guru hanyalah menyediakan komunikasi yang bermakna dalam kalangan pelajar.
6. Tiada batasan bahan: Aktiviti dan tugas yang diberikan tidak terbatas kepada bentuk bahasa sahaja, iaitu elemen tatabahasa tetapi pelajar digalakkan untuk memilih cara berkomunikasi yang bersesuaian dengan situasi.

Selain daripada ciri ini, ciri yang amat penting dalam pendekatan komunikatif ialah makna kerana dengan makna sahaja sesuatu komunikasi itu akan berjaya. Makna ini perlulah mempunyai konteks kerana dengan adanya konteks inilah sesebuah komunikasi akan berlaku. Di samping itu, penggunaan bahan-bahan yang autentik juga penting bagi membolehkan komunikasi berlangsung dalam suasana yang sebenar yang dialami oleh pelajar. Oleh hal yang demikian, bahan bantu mengajar seperti video, akhbar, bahan iklan, atau aplikasi dalam telefon bimbit diperlukan bagi menimbulkan suasana autentik untuk pelajar berkomunikasi. Aktiviti yang disediakan pula perlulah berkait dengan kehidupan seharian pelajar seperti perkara-perkara yang melibatkan isu semasa bagi membolehkan serta menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi secara aktif. Hal ini membawa maksud bahawa aktiviti yang disediakan rapat dengan pengalaman sedia ada pelajar dan dengan menyediakan aktiviti tersebut, pelajar lebih mudah untuk berbahasa kerana kosa kata, laras yang amat rapat dengan kehidupan sebenar mereka. Tambahan pula, pendekatan komunikatif ini berdasarkan fungsional-notional. Fungsional penting bagi tujuan sosial, iaitu penggunaan bahasa adalah untuk tujuan tertentu misalnya bahasa diungkapkan untuk permohonan maaf atau ketika memohon kebenaran bagi melakukan sesuatu. Notional pula merujuk kepada elemen makna atau konsep makna ini amat perlu dalam komunikasi bagi memenuhi sesuatu fungsi.

Pendekatan kecekapan komunikasi adalah berpusatkan pelajar, manakala guru hanyalah sebagai peserta atau fasilitator atau penggerak komunikasi, atau sebagai sumber maklumat. Oleh itu, bagi melaksanakan pendekatan ini, guru yang berkecekapan tinggi diperlukan. Peranan guru perlulah berbeza daripada pendekatan yang lain kerana guru tidak lagi mendominasi sesebuah kelas atau mempunyai autonomi di dalam kelas tetapi lebih banyak memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti. Aktiviti yang dirancang pula perlulah mampu menggalakkan pelajar untuk berinteraksi sama ada secara berpasangan atau berkumpulan. Semasa aktiviti dilaksanakan, penggunaan bahasa ibunda tidak digalakkan atau dibenarkan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pendekatan yang dilaksanakan dalam pengajaran bahasa kedua, didapati matlamat utama mempelajari

bahasa kedua adalah untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa tersebut dengan cekap. Matlamat ini secara langsung telah memberi kesan terhadap cara tatabahasa itu perlu diajarkan. Peringkat awal pengajaran bahasa kedua amat mementingkan kefahaman pelajar terhadap struktur bahasa. Dengan itu pelajar didedahkan secara mendalam cara pembentuk kata atau ayat serta penghafalan kosa kata. Bagaimanapun, didapati perkara ini tidak dapat membantu pelajar untuk menggunakan bahasa sasaran dengan baik, maka fokus terhadap tatabahasa telah dikurangkan dan menjadi elemen yang marginal. Hal ini membawa maksud bahawa belajar bahasa bukan bererti belajar tatabahasa tetapi belajar bagaimana bahasa itu perlu digunakan dalam pelbagai situasi dan konteks bagi membolehkan bahasa itu benar-benar dapat menjalankan fungsinya.

RUJUKAN

- Abdul Nasser Mohammed Ali Al-Naqeeba. (2012). *Study Of Yemeni English Teachers' Classroom Practices And Approaches With Special Reference To Secondary Schools In Laboos*. Tesis PhD. India: University of Pune.
- Ahmad Murad Muradi. (2014). "Pendekatan Komunikatif Dalam Pembelajaran Bahasa Arab". *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*. Vol. 1. No. 1 Jun. 29-48.
- Ali Karakas. (2019). "Grammar Translation Method". *Basics of ELT*. Black Swans Publishing House.
- Ellis, R. (2006). "Current Issues in the Teaching of Grammar: An SLA Perspective". *Tesol Quarterly*. Vol. 40. No. 1. March. 88-107.
- Hymes, D.H. (1972). On Communicative Competence. In Pride, J.B. and Holmes, J. (eds.) *Sociolinguistics Selected Reading*. England: Penguin Books. 269-293
- Palmer, H. (1987). Quantity before Quality in Second Language Composition. In Raimes, A *TEFL Anthology*, ICA: Washington. 65-85.
- Pelosi, A.G. (1973). "What is Grammar?". *The Modern Language Journal*. Vol 2, Nov. 329-335.

Shafaat Hussain dan Sumaiya Sajid. (2015). Oral Approach and Situational Language Teaching: A Short Review. *Indian Journal of Research. Paripex*. Vol. 4. Issue 6. June. 197-199.

Shaghayegh Shirzad. (2016). Trends in Teaching Grammar. *International Journal of Modern Language Teaching and Learning*. Vol. X. Issue 3. 84-89.

Tarvin, L.D. (2014). *Communicative Competence; Its Definition, Connection to Teaching and Relationship with Interactional Competence*. Thesis Education Specialist. University of Missouri.